

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

1. Kerajaan Negeri memaklumkan bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang menyediakan opsyen pelan untuk Tapak Ekspo Seberang Jaya dalam masa yang sama sedang berbincang dengan pemaju / pelabur.
 - (a) Berapa lamakah masa yang perlu diambil untuk pembangunan ini dimulakan?


JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. (a) Merujuk kepada Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bilangan 13/2022 pada 19 September 2022 dan minit yang disahkan pada 20 Oktober 2022, berkaitan penyerahan tapak seluas 17.2519 ekar di atas Lot 340, Tapak Ekspo, Seberang Jaya, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Tengah Dengan Bebanan (Struktur) Kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang telah menguruskan dan menyelesaikan segala hal ehwal di tapak termasuk urusan aset dan sewaan di **LAMPIRAN A**.


Seterusnya, pihak PDC memaklumkan bahawa rundingan bersama pihak pelabur/pemaju akan diputuskan di dalam Mesyuarat Lembaga PDC. Waiau bagaimanapun ianya tertakluk kepada tempoh rundingan dapat dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak.



JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Tuan : PPPP/PFPT/Bah.12/11/56
Ruj. Kami : JKNPP/07/06/3/1/10 Jld.1 (08)
Tarikh : 15 Mac 2023
~~12~~ Syaaban 1444H

YBhg. Dato' Aziz bin Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr Lim Chong Eu
No.1 Persiaran Mahsuri
Bandar Bayan Baru
11909 PULAU PINANG

YBhg. Dato',

**PENYERAHAN TAPAK SELUAS 17.2519 EKAR DI ATAS LOT 340, TAPAK EKSP0,
SEBERANG JAYA, MUKIM 1, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH DENGAN
BEBANAN (STRUKTUR) KEPADA PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU
PINANG (PDC)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bilangan 13/2022 pada 19 September 2022 dan minit yang disahkan pada 20 Oktober 2022, Jabatan ini telah menguruskan dan menyelesaikan segala hal ehwal di tapak termasuk urusan aset dan sewaan (Rujuk LAMPIRAN A – Potongan Minit).
3. Bayaran utiliti air dan elektrik juga telah dijelaskan sepenuhnya dan akaun-akaun yang berkaitan telah ditutup. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa dengan ini, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) secara rasminya membuat serahan Tapak Ekspo, Seberang Jaya kepada pihak PDC.
4. Susulan penyerahan tapak ini juga, pihak PDC dimohon untuk melengkapkan BORANG SERAH TAPAK EKSP0, SEBERANG JAYA, MUKIM 1, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH (Rujuk LAMPIRAN B) dan mengembalikannya ke

...2/-

PENYERAHAN TAPAK SELUAS 17.2519 EKAR DI ATAS LOT 340, TAPAK EKSPLO, SEBERANG JAYA, MUKIM 1, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH DENGAN BEBANAN (STRUKTUR) KEPADA PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)


Jabatan ini dalam tempoh 5 hari selepas tarikh surat ini dikeluarkan. Sila hubungi Encik Mohamad Zulhelmi (Penyelia Kanan Tapak Pesta dan Ekspo) di Talian 012-4057345 untuk mengambil kunci pagar.

5. Kerjasama dan perhatian lanjut YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"CEKAP, AKAKUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan Amanah,


(ZAHIDAH BINTI ABD JALIL)
Timbuan Pegawai Kewangan Negeri
b.p Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang
☎: 04-6505104
✉: zahidahjalil@penang.gov.my

e.d: YB Pegawai Kewangan Negeri
Bendahari Negeri
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (A)
Penolong Pegawai Kewangan Negeri (T)
Penyelia Kanan Tapak Pesta & Ekspo

SULIT

LAMPIRAN A

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA TANAH NEGERI PULAU PINANG

Bilangan Mesyuarat : 13 Tahun 2022
Tarikh : 19 September 2022 (Isnin)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Gerakan,
Pejabat Ketua Menteri

SULIT

3.2 KELULUSAN PEMBERIMILIKAN KEPADA PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC) MELIBATKAN TAPAK EKSPLO SEBERANG JAYA

Mesyuarat mengambil maklum akan kenyataan wakil YB Pegawai Kewangan Negeri yang menyatakan bahawa satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 5.9.2022.

SULIT

Mesyuarat tersebut bersetuju agar pihak Jabatan Kewangan Negeri (JKN) menguruskan dan menyelesaikan segala hal ehwal di tapak termasuk urusan aset dan sewaan. Kemudian, pihak JKN akan menyerahkan tapak tersebut dengan bebanan (struktur) kepada pihak PDC bagi tindakan selanjutnya.

Tindakan: JKN dan PDC

**BORANG SERAH TAPAK EKSPLO, SEBERANG J A Y A ,
MUKIM 1, DAERAH SEBERANG PERAITENGAH**

Tarikh:

YB. Pegawai Kewangan Negeri
Jabatan Kewangan Negeri
Tingkat 23, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG
(u.p. : Unit Tapak Pesta dan Ekspo)

YB. PKN,

PENYERAHAN TAPAK SELUAS 17.2519 EKAR DI ATAS LOT 340, TAPAK EKSPLO, SEBERANG JAYA, MUKIM 1, DAERAH SEBERANG TENGAH DENGAN BEBANAN (STRUKTUR) KEPADA PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dengan rujukan JKNPP/07/06/3/1/10 Jld.1 (08) bertarikh 17 Januari 2023 mengenai perkara di atas.

2. Saya No. Kad Pengenalan wakil bagi pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan ini memperakukan penerimaan surat penyerahan penuh Tapak Ekspo, Seberang Jaya daripada JKNPP dan mematuhi penetapan tarikh bagi penyerahan penuh Tapak Ekspo, Seberang Jaya berkuatkuasa pada 24 Januari 2023 (Selasa).

Sekian, terima kasih.

Pegawai PDC*:

Disaksikan oleh (PDC)* :

Tandatangan:

Tandatangan:

Nama :

Nama :

No. K/P :

No. K/P :

Jawatan :

Jawatan :

Cop Rasmi :

Cop Rasmi :

*Pegawai adalah dalam Kumpulan Pengurusan dan Professional dan ke atas sahaja.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

2. Taman permainan dan rekreasi.

- (a) Pemantauan dan penyelenggaraan dijalankan secara berkala. Begitu juga permainan kanak-kanak yang rosak segera dibuang oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Namun begitu peralatan mainan tidak diganti semula dengan yang baharu. Berapa lamakah masa yang diambil untuk gantian semula peralatan mainan baharu tersebut?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. (a) Sememangnya pemantauan dan penyelenggaraan dijalankan secara berkala bagi setiap kawasan lapang dan taman rekreasi awam di bawah kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Pihak MBSP turut mengambil langkah awal dengan menanggalkan bahagian alat permainan yang dikenal pasti telah rosak dan berbahaya kepada orang awam. Seterusnya, alat permainan tersebut akan diletakkan notis dan pita keselamatan untuk larangan kepada orang awam.

Penggantian peralatan permainan akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak MBSP. Tempoh masa yang diambil untuk penggantian semula bahagian alat permainan yang telah rosak adalah selama 30 hari dari tarikh arahan kerja dikeluarkan kepada kontraktor. Walau bagaimanapun, sekiranya penggantian peralatan permainan melibatkan kerosakan secara keseluruhan set alat permainan, ia tertakluk kepada perancangan penggantian dan peruntukan tahunan pihak MBSP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

3. Difahamkan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan menganjurkan program bersama Komuniti Kampung Tersusun khasnya kepada golongan nelayan pada September 2024. Namun begitu tiada sebarang aktiviti dijalankan.
- (a) Bilakah tarikh sebenar penganjuran ini akan dilaksanakan?
 - (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri yang lebih efektif / berkesan untuk menjadikan tempat ini sebagai lokasi tarikan pelancongan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Perancangan program bersama Komuniti Kampung Tersusun dijangka akan diadakan pada Disember 2024 bersama komuniti setempat.
- a) Tarikh penganjuran program ini adalah pada 21 Disember 2024.
 - b) Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan melaksanakan inisiatif *Fun Mapping* sebagai inisiatif untuk tarikan produk warisan dan pelancongan khususnya di daerah Seberang Perai Utara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

4. Apakah peluang-peluang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk penternak-penternak kerang yang diusahakan secara kecil-kecilan di kawasan pantai / laut Telok Ayer Tawar?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan bantuan kepada penternak-penternak kerang di kawasan Seberang Perai Utara (SPU) bagi bantuan benih kerang percuma untuk ternakan kali pertama sebanyak dua (2) tan metrik. DOF juga membawa penternak kerang SPU untuk Lawatan Sambil Belajar ke Lekir, Perak pada 11 hingga 13 Julai 2023 bagi mendapatkan ilmu dan pengalaman daripada penternak kerang yang telah berjaya.

Di samping itu juga, DOF dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Pulau Sayak telah memohon peruntukan daripada YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi untuk mendapatkan sambungan bantuan peruntukan RM1.5 juta yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini.

Selain itu, DOF melalui Kerajaan Negeri akan membuat permohonan kepada pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk mendapatkan peruntukan projek khas pada tahun 2025 bagi projek ternakan kerang di kawasan yang telah dikenal pasti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

5. Berdasarkan data bancian Program *Asian Waterbirds* pada tahun 2019, bilangan spesies burung sebanyak 38 jenis dan bilangan burung sebanyak 2,953 ekor.
- (a) Adakah bilangan spesies dan jumlah burung berlaku peningkatan atau pengurangan pada tahun 2024 atau berakhir tahun 2023?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO AL SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Berdasarkan data yang diterima daripada *eBird Malaysia*, bilangan burung hijrah di Teluk Air Tawar-Kuala Muda yang terletak di Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah sebanyak 10,877 ekor. Manakala data bertarikh 26 Januari 2024, jumlah burung di kawasan tersebut adalah 11,120 ekor yang terdiri daripada 36 spesies *waterbirds* dan *shorebirds*.

Tambahan lagi, berdasarkan bancian Program *Asian Waterbirds Census (AWC)*, bilangan burung hijrah yang dicerap pada tahun 2023 adalah sebanyak 10,833 ekor daripada 39 spesies dan bilangan tersebut terus meningkat pada bancian Program *Asian Waterbirds Census (AWC)* yang dijalankan pada tahun 2024 dengan merekodkan sebanyak 23,543 ekor daripada 46 spesies.

Data menunjukkan berlakunya peningkatan jumlah burung daripada 2023 hingga 2024 dan ianya memberi gambaran jelas akan kepentingan kawasan Telok Air Tawar dan sekitarnya

sebagai habitat persinggahan burung-burung air berhijrah di skala serantau dan laluan *East Asian-Australasian Flyway*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

6. Pelancongan kesihatan menerima hampir 500,000 pelancong pada tahun 2023.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempromosikan sektor pelancongan kesihatan yang dilihat membawa impak positif kepada ekonomi Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Mengikut statistik dari Malaysia Healthcare Travel Council, Pulau Pinang merupakan negeri yang paling cemerlang dalam sektor pelancongan perubatan. Pulau Pinang merekodkan pencapaian 45% daripada hasil pelancongan perubatan di seluruh Malaysia.

Pulau Pinang mempunyai rangkaian hospital dan klinik dengan reputasi yang diiktiraf antarabangsa. Institusi-institusi perubatan ini menawarkan rawatan perubatan terkemuka dengan teknologi moden dan dianggotai pakar yang berpengalaman, setanding dengan standard penjagaan kesihatan di negara maju.

Terletak di Asia Tenggara, Pulau Pinang mudah diakses dari negara dan wilayah jiran melalui penerbangan terus dari negara seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

Banyak penyedia penjagaan kesihatan di Pulau Pinang memenuhi keperluan pesakit antarabangsa dengan kakitangan yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, Mandarin, Bahasa Malaysia, dan juga bahasa serantau yang lain. Kebanyakan hospital dilengkapi dengan pusat khas bagi pesakit

antarabangsa khusus bagi membantu berkaitan urusan visa, penjagaan selepas rawatan dan lain-lain perkara berkaitan.

Pulau Pinang menjadikan perkhidmatan kesihatan sebagai satu sub sektor pelancongan. Pesakit sering menyambung lawatan mereka dengan bercuti bagi menikmati warisan budaya, pemandangan, makanan dan tapak bersejarah di Pulau Pinang. Ini menawarkan pengalaman perjalanan yang unik setelah mereka menerima rawatan di Pulau Pinang.

Pulau Pinang sedang giat mempromosikan pelancongan perubatan dengan memanfaatkan infrastruktur penjagaan kesihatan sedia ada yang kukuh dan harga yang kompetitif bagi menarik minat pesakit antarabangsa. Negeri Pulau Pinang mempunyai reputasi yang baik dalam sektor pelancongan perubatan Malaysia kerana berjaya menarik lebih daripada separuh pelancong perubatan ke Malaysia sebelum pandemik COVID-19 lagi.

Di samping pembangunan infrastruktur, Penang Global Tourism (PGT) telah menubuhkan Jawatankuasa Penang Center for Medical Tourism (PMED) dan bekerjasama rapat dengan hospital swasta di Pulau Pinang dan Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) untuk mempromosikan pelancongan perubatan di negara-negara sasaran serta memudahkan urusan pesakit asing yang mendapatkan rawatan. Selain itu, reputasi Pulau Pinang sebagai hab kebudayaan meningkatkan daya tarikan pelancong perubatan untuk mendapatkan rawatan di sini sambil meneroka kepelbagaian warisan, makanan dan minuman semasa mereka berada di Pulau Pinang. Ini menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan yang ideal untuk rawatan perubatan dan juga percutian.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

7. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengguna pakai semula atau pengubahsuaian bekas Feri Pulau Pinang? Contohnya feri diusahakan sebagai tarikan pelancongan atau restoran bergerak.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Feri-feri ikonik adalah di bawah tanggungjawab dan pengurusan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah menyerahkan satu (1) feri ikonik iaitu Feri Pulau Angsa kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan feri tersebut. Susulan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah melaksanakan perolehan secara *Request for Proposal* (RFP) untuk pelantikan operator bagi melaksanakan pembaikan, pemuliharaan dan pembangunan feri tersebut sebagai produk pelancongan. RFP ini diharap dapat memaksimumkan penggunaan feri tersebut bagi tujuan memajukan sektor pelancongan dan meningkatkan ekonomi negeri.

Feri Pulau Angsa yang berada di Pangkalan Raja Tun Uda, George Town akan dijadikan sebagai restoran makanan laut halal. Feri tersebut dicadang untuk dilabuhkan di kawasan daratan yang akan dikenal pasti kemudian bagi mengelakkan risiko karam dan memastikan aspek keselamatan feri serta pengunjung lebih terjamin, disamping memudahkan penyelenggaraan berkala feri di masa akan datang. Pengurusan dan pembangunan feri tersebut akan dikendalikan oleh operator yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

8. Kuari tanah / pasir yang berbahaya di kawasan Telok Air Tawar.
- (a) Bagaimanakah kuari tanah / pasir dapat diusahakan di lokasi bertentangan / hadapan dengan kawasan Sekolah Kebangsaan Telok Air Tawar?
 - (b) Siapakah yang memberi lesen dan kebenaran kepada syarikat tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU MENJAWAB BAGI PIHAK
YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Lokasi bertentangan atau hadapan dengan kawasan Sekolah Kebangsaan Telok Air Tawar adalah merupakan tapak loji siap bancuh konkrit dan bukan tapak kuari. Setelah mengambil kira ulasan teknikal daripada agensi kerajaan yang berkaitan dan mendapat kelulusan Pelan Bangunan daripada Mesyuarat Jawatankuasa One Stop Centre (OSC), tapak loji siap bancuh konkrit boleh dibina di lokasi tersebut. Syarikat yang mengendalikan loji mesti mematuhi semua syarat dan garis panduan yang ditetapkan dalam tempoh tiga tahun dari kelulusan ini.
- (b) Kuasa untuk memberi lesen dan kebenaran untuk syarikat tersebut beroperasi adalah Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa OSC.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

9. Pulau Gedung merupakan tempat penyimpanan bahan letupan dan peluru tentera British suatu masa dahulu. Artifak sejarah iaitu dua buah bangunan / gedung tempat simpanan senjata api masih wujud.
- (a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak menjadikan Pulau Gedung sebagai satu destinasi pelancongan atau mewartakan Pulau Gedung sebagai pulau bersejarah?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Pulau Gedung merupakan pulau terpencil yang tidak dihuni dan tiada fasiliti yang khusus. Pulau ini hanya boleh diakses dengan menggunakan bot. Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2030, pulau ini telah dizonkan sebagai Zon Pelancongan Eko & Agro. Di bawah RSN 2030 juga pulau ini dikenalpasti sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan dizonkan sebagai Zon Akuakultur.

Bagi pewartaan pulau sebagai warisan negeri di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 201, ianya memerlukan kajian yang lebih lanjut bagi menilai kepentingan pulau dari aspek warisan sejarah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

10. Beca merupakan daya tarikan pelancongan di Pulau Pinang. Mengikut jawapan bertulis, yang dilaporkan seramai 73 orang pengusaha beca di Pulau Pinang dan kawasan tumpuan hanya di George Town dan Batu Ferringhi sahaja.
- (a) Adakah cadangan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan daya tarikan beca di sebelah Butterworth?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Buat masa ini, operasi beca hanya dijalankan di kawasan George Town dan Batu Ferringhi sahaja. Kajian haruslah dibuat terlebih dahulu bagi memastikan permintaan dan kesesuaian perkhidmatan beca di kawasan Seberang Perai supaya projek ini boleh berdaya maju dan berdaya tahan. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka jika terdapat potensi untuk operasi beca dipanjangkan ke kawasan Seberang Perai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOKAYER TAWAR
YB AZM BIN ALANG**

11. Skim khairat kematian.

- (a) Sebagai sebuah negeri yang prihatin kepada rakyat dan meringankan bebanan rakyat untuk kos pengurusan kematian. Bolehkah Kerajaan Negeri mengubah kelayakan penerima skim khairat kematian yang sedia ada dari usia 60 tahun ke atas kepada kelayakan penerima pada usia 18 tahun ke atas?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri melalui Program i-Sejahtera memberikan bayaran Khairat Kematian berjumlah RM1,000.00 secara *one-off* kepada waris penerima bayaran Penghargaan Warga Emas, Bantuan Ibu Tunggal dan Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU). Kelayakan umur bagi Khairat Kematian di bawah Program Warga Emas adalah 60 tahun ke atas manakala tiada syarat umur untuk penerima Bantuan Ibu Tunggal dan Bantuan OKU. Maklumat bayaran khairat kematian di bawah Program i-Sejahtera pada tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Pada masa kini, Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mengubah kelayakan umur penerima Khairat Kematian dari 60 tahun ke atas kepada 18 tahun ke atas kerana melibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

Selain bantuan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan juga telah memperkenalkan Skim Khairat Kematian (SKK) iaitu sebuah skim bantuan kewangan berbentuk tunai di bawah

Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN). Di bawah skim ini pemohon/pasangan yang lulus STR 2024 tetapi telah meninggal dunia pada tahun semasa, waris adalah layak menuntut SKK berjumlah RM1,000.00 bagi kategori isi rumah dan warga emas bujang/tiada pasangan.

**BAYARAN KHAIRAT KEMATIAN DI BAWAH
PROGRAM I-SEJAHTERA PADA TAHUN 2023**

NAMA PROGRAM	BILANGAN PEMOHON	JUMLAH BAYARAN (RM)
PENGHARGAAN WARGA EMAS	5,886	5,886,000.00
BANTUAN OKU	138	138,000.00
BANTUAN IBU TUNGGAL	24	24,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	6,048	6,048,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

12. Kedai runcit yang diusahakan oleh warga asing terutamanya Pakistan.
- (a) Apakah tindakan bagi membanteras dan menghalang warga Pakistan menyalahgunakan permit kemasukan ke Malaysia dan membuka kedai runcit secara berleluasa di Pulau Pinang?
 - (b) Bagaimanakah nasib peniaga tempatan yang terpaksa bersaing dengan warga asing yang membuka perusahaan peruncitan 24 jam?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil tindakan tegas untuk membanteras penyalahgunaan permit kemasukan oleh warga asing, terutamanya dari Pakistan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan kedai runcit secara berleluasa di Negeri Pulau Pinang. Antaratindakan yang diambil bagi mengawal situasi ini adalah seperti berikut:

(i) **Syarat Khusus dalam Permohonan Lesen Perniagaan**

Pihak MBPP tidak mengeluarkan lesen perniagaan kepada individu warga asing secara langsung. Pihak MBPP hanya mengeluarkan lesen kepada Syarikat Malaysia Milikan Warganegara Asing yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia. Syarikat-syarikat ini mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

- 1) Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia;
- 2) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah syarikat warganegara Malaysia;
- 3) Pemilikan saham oleh warganegara asing tidak melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan syer syarikat; dan
- 4) Premis perniagaan yang beroperasi mestilah mempunyai kaunter hadapan yang dikendalikan oleh warganegara tempatan.

Di kawasan Seberang Perai, pihak MBSP tidak membenarkan sepenuhnya penglibatan individu bukan warganegara dan pemastautin tetap (PR) menjalankan aktiviti perniagaan runcit. Larangan ini turut melibatkan pasangan warganegara yang berstatus bukan warganegara dan PR.

(ii) **Tindakan Penguatkuasaan terhadap Premis yang Melanggar Syarat-syarat Pematuhan Lesen Perniagaan**

Pihak MBPP dan pihak MBSP telah mengambil tindakan tegas terhadap premis kedai runcit yang dijalankan oleh individu bukan warganegara atau pemastautin tetap (PR). Antara tindakan yang diambil termasuklah:

- 1) **Sitaan Premis Perniagaan:** Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], premis perniagaan yang dijalankan oleh warga asing tanpa lesen yang sah atau melanggar syarat perlesenan boleh disita.
- 2) **Notis Kompaun:** Pengeluaran notis dan tawaran kompaun kepada mereka yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen atau melanggar syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan.

- 3) **Rampasan Barang Perniagaan:** Melakukan tindakan rampasan terhadap barang-barang yang dijual di premis perniagaan yang melanggar peraturan.

(iii) **Pembatalan Lesen Perniagaan**

Pihak MBPP dan MBSP juga mengambil tindakan membatalkan lesen perniagaan yang dikeluarkan kepada mana-mana individu warganegara Malaysia yang didapati menyalahgunakan lesen mereka termasuklah menyewakan lesen perniagaan kepada individu bukan warganegara untuk tujuan menjalankan perniagaan secara haram.

Tindakan ini selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan hanya warganegara Malaysia atau PR terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan kedai runcit sekali gus mengurangkan kes penyalahgunaan permit kemasukan oleh warga asing di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa komited untuk memastikan peniaga tempatan diberi peluang yang adil dan saksama dalam menjalankan perniagaan terutamanya dalam sektor peruncitan. Antara usaha-usaha yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) **Sokongan kepada Peniaga Tempatan:** Pihak PBT bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk memberi sokongan dari segi peruntukan kewangan, peralatan perniagaan serta latihan dan kursus keusahawanan; dan
- (ii) **Penguatkuasaan terhadap Peniaga Warga Asing:** Pihak PBT mengambil langkah tegas dalam mengawal penglibatan warga asing dalam perniagaan kedai runcit 24 jam dengan mengenakan syarat-syarat yang ketat iaitu dengan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti penyitaan premis dan pembatalan lesen

perdagangan terhadap peniaga yang melanggar peraturan-peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan hak dan kepentingan peniaga tempatan tidak terjejas dan mewujudkan persaingan yang sihat antara peniaga tempatan dan peniaga warga asing dalam mengekalkan kestabilan ekonomi tempatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA: 5(A)(XII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

13. Acap kali berlaku kemalangan di jalan utama Telok Air Tawar hadapan Sekolah St Mark dan Sekolah Dato' Onn.
- (a) Apakah langkah yang akan dilakukan bagi mengurangkan kes kemalangan jalan raya di kawasan tersebut?
 - (b) Bolehkah dibina sebuah jejantas bagi kegunaan penduduk terutamanya para pelajar bagi kedua-dua buah sekolah tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang telah menurap semula Jalan Telok Air Tawar (FT001) pada tahun ini melalui peruntukan bagi Kerja Berkala Pavemen (BP). JKR Pulau Pinang juga telah menambah baik garisan jalan di kawasan tersebut serta menyediakan *yellow box* dan *yellow transverse bar* bagi memudahkan kenderaan keluar masuk di kawasan sekolah serta sekaligus mengurangkan risiko kemalangan di lokasi tersebut.

Disamping itu, perancangan untuk menaik taraf infrastruktur di lokasi tersebut telah disenaraikan dalam Program *Blackspot* bagi tahun 2025.

Selain itu, pihak PDRM akan menjalankan rondaan dan penguatkuasaan secara berkala dalam memastikan pengguna

jalan raya mematuhi peraturan jalan raya sekaligus dapat mengurangkan kemalangan jalan raya di kawasan tersebut.

- (b) Permohonan bagi pembinaan jejantas di lokasi tersebut telah diambil perhatian dan disenaraikan dibawah Program *Blackspot* Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi kelulusan peruntukan tahun 2025. Pertimbangan bergantung kepada kelulusan peruntukan di KKR.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

14. Cat Beach merupakan salah satu destinasi pelancongan di Pulau Pinang.
- (a) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan tempat tersebut?
 - (b) Berapakah yang telah dilaburkan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan tempat tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pelancongan dan Penang Global Tourism (PGT) sentiasa giat mempromosi Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia. Dalam hubungan ini, *Cat Beach* turut tidak terkecuali daripada promosi tersebut. PGT mempromosikan *Cat Beach* melalui media sosial serta membawa media tempatan dan antarabangsa ke tempat tersebut bagi tujuan promosi. Selebriti terkenal Hong Kong baru-baru ini telah membuat penggambaran di *Cat Beach* untuk program atas talian mereka.
- (b) Kerajaan Negeri tidak menyalurkan peruntukan secara langsung kepada operator *Cat Beach*, namun Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab menambah baik dan menaik taraf kawasan persekitaran *Cat Beach* termasuk kebersihan pantai, laluan (akses) ke *Cat Beach* serta kemudahan infrastruktur asas yang dilaksanakan oleh Majlis

Bandaraya Pulau Pinang dan Pejabat Daerah dan Tanah
Barat Daya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

15. *Food court* di Bayan Lepas yang bernama Food Bayana yang menjalankan gerai makanan bersistem halal dan *non* halal, peralatan seperti pinggan mangkuk dan lain-lain secara berasingan.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri mengenakan peraturan sama kepada semua *food court* di dalam Pulau Pinang mengikut sistem seperti *food court* di Bayan Lepas?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius terhadap isu-isu yang berkait rapat dengan sensitiviti agama dan kaum di Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan gerai sistem halal dan tidak halal bagi mengasingkan peralatan seperti pinggan mangkuk yang dilaksanakan di Medan Selera Food Bayana adalah suatu usaha yang baik dan boleh dijadikan contoh kepada pemilik-pemilik kompleks makanan yang diusahakan oleh pengusaha swasta/persendirian.

Bagi kompleks-kompleks makanan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, konsep ini telah lama dilaksanakan secara sukarela oleh pemilik perniagaan tersebut. Buat masa ini, tiada ketetapan yang diwajibkan kepada pemilik-pemilik perniagaan di premis seliaan PBT memandangkan tiada peruntukan perundangan yang khusus untuk menguatkuasakan sistem halal dan tidak halal sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Ayer Tawar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa bersifat terbuka untuk mempertimbangkan pelaksanaan dasar ini tetapi perlu dibuat penelitian dan kajian yang menyeluruh dengan mengambil kira semua aspek yang berkaitan termasuk pandangan daripada pemegang taruh-pemegang taruh yang terlibat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA: 5(A)(XII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

16. Mengapakah tiada inisiatif dari Kerajaan Negeri untuk menyalurkan peruntukan banjir kepada penduduk Pulau Pinang sedangkan Pulau Pinang merupakan antara tujuh buah negeri terkaya di Malaysia?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000.00 dan Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian) sebanyak RM10,000.00 untuk diberikan kepada mangsa yang terjejas akibat bencana termasuk banjir dengan syarat mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang berdaftar. Selain itu, NADMA turut menyalurkan peruntukan untuk pengurusan pengoperasian Monsun Timur Laut (MTL) kepada Kerajaan Negeri, yang akan digunakan oleh setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dalam pengurusan bencana ketika kejadian bencana berlaku. Setakat ini, negeri Pulau Pinang sering mengalami kejadian banjir kilat sahaja. Walau bagaimanapun, bantuan atau sumbangan untuk mangsa yang terjejas disebabkan oleh banjir atau banjir kilat tidak diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Krisis Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA: 5(A)(XII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

17. Acap kali berlaku banjir di kawasan kampung persisir pantai seperti Kampung Contoh Bagan Lebai Tahir setiap kali berlaku serentak air laut pasang dan hujan.
- (a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak mengambil langkah untuk membuat benteng di sepanjang persisir pantai di kawasan penempatan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) mengambil maklum akan kejadian banjir di kawasan kampung pesisir pantai terutamanya apabila air laut pasang dan hujan berlaku secara serentak.
- (a) Bagi mengatasi keadaan ini, pihak JPS Malaysia kini sedang menjalankan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Pulau Pinang. Kajian tersebut sedang di peringkat kerja ukur. Kajian ini merangkumi kawasan Kampung Bagan Lebai Tahir dan Kampung Contoh. Hasil kajian ini akan mencadangkan tindakan mitigasi yang bersesuaian bagi menangani isu tersebut. Pelaksanaan projek fizikal akan dijalankan setelah kajian siap sepenuhnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

18. Taman permainan di Taman Air Tawar Indah yang diselenggara oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) hanya separuh sahaja.
- (a) Mengapakah tidak diselenggara hingga kesemua kawasan tersebut dan dibiarkan semak samun yang tebal?
 - (b) Mengapakah tiada pembaikan semula taman permainan tersebut supaya setiap kali selepas hujan kawasan tersebut tidak ditenggelami air?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Penyelenggaraan semak samun termasuk pokok-pokok teduhan kawasan lapang taman permainan di Taman Teluk Air Tawar Indah dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan lapang taman permainan ini telah dilaksanakan pada 24 Mei 2024 dan 14 Oktober 2024 yang lalu dan baki kerja-kerja penyelenggaraan tersebut akan dilaksanakan pada 1 November 2024.
- (b) MBSP telah melantik pihak kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf landskap dan pembaikan di taman permainan Taman Teluk Air Tawar Indah. Kerja-kerja naik taraf ini telah bermula pada 3 September 2024 dan dijangka siap pada 23 Disember 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

19. Larangan merokok di tempat awam dilihat seperti tiada keberkesanan.
- (a) Apakah langkah-langkah baru yang perlu diambil bagi memberi kesedaran dan pematuhan larangan ini kepada orang awam?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. (a) Antara langkah-langkah baharu bagi larangan merokok kepada orang awam adalah dengan penggubalan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang diwartakan pada 2 Februari 2024 dan telah dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2024.

Beberapa peruntukan seksyen baharu yang telah ditambah di dalam akta ini iaitu tambahan tempat larangan merokok dari 23 kepada 28 tempat awam bagi memastikan pematuhan larangan ini. Perluasan peruntukan baru di bawah Seksyen 16 akta ini turut merangkumi bangunan dobi dan bangunan tempat kerja seperti *bar* dan *pub*.

Usaha lain adalah operasi penguatkuasaan dilakukan secara berkala. Kesan bahaya merokok juga dipromosikan kepada masyarakat setempat. Selain itu, bahaya merokok dihebahkan kepada masyarakat dan program berhenti merokok di 28 Klinik Berhenti Merokok terpilih terus dilaksanakan.

Program Nafas Baru Bermula Ramadan juga merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dalam usaha membantu perokok-perokok untuk berhenti merokok. Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia (World No Tobacco Day) disambut pada 31 Mei setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya merokok terhadap kesihatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

20. Penjaja di tepi jalan yang mencari nafkah.
- (a) Tiadakah inisiatif / cadangan Kerajaan Negeri amnya Majlis Bandaraya khususnya untuk membantu peniaga-peniaga tepi jalan berniaga tanpa dikenakan syarat-syarat yang berat dan tanpa perlu meroboh gerai-gerai mereka?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. (a) Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu peniaga-peniaga serta penjaja di tepi jalan mengikut kawasan PBT seperti berikut:
- (i) MBSP memudahkan proses pengeluaran lesen penjajaan kepada penjaja / peniaga kecil di mana lesen dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;
- (ii) MBSP menyediakan garis panduan sebagai panduan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan seperti berikut:
- 1) Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih; dan

- 2) Garis Panduan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan.
- (iii) MBSP memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik MBSP melalui sesi temu duga ruang niaga yang diadakan pada setiap bulan;
 - (iv) MBSP mengenal pasti lokasi dan menyediakan penempatan semula penjaja bagi peniaga / penjaja yang tidak berlesen;
 - (v) MBSP memperkenalkan kaedah *tagging* peniaga sedia ada yang menjalankan penjajaan tanpa lesen di kawasan Seberang Perai sebagai alternatif untuk membantu peniaga-peniaga kecil;
 - (vi) MBPP melaksanakan temuduga terbuka pada setiap bulan bagi membolehkan peniaga berniaga dalam premis majlis yang masih kosong;
 - (vii) MBPP mewujudkan lesen trak bergerak dan kenderaan bermotor dengan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan;
 - (viii) MBPP melaksanakan konsep *request for ideas* yang ingin dilaksanakan di ruang pasar / kompleks MBPP;
 - (ix) MBPP meluluskan permohonan perniagaan di atas tanah persendirian dengan konsep *pushcart / stall* tanpa sebarang struktur binaan kekal;
 - (x) MBPP menyediakan *kiosk* di tempat yang strategik bagi memberi peluang perniagaan; dan
 - (xi) MBPP bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi pelaksanaan projek kecil untuk ruang perniagaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

21. Kekurangan tempat parkir kereta di kawasan peranginan seperti Batu Feringgi yang menyebabkan kesesakan luar biasa apabila tiba musim cuti sekolah.
- (a) Apakah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf kawasan Batu Feringgi terutamanya penyediaan kawasan parkir yang luas?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Pulau Pinang kekal menjadi destinasi pilihan pelancong domestik terutamanya ketika musim cuti persekolahan. Kebiasaannya, jalan-jalan utama di Pusat Bandar sehingga ke kawasan peranginan khususnya di Batu Feringgi yang sentiasa mengalami kesesakan lalu lintas dengan peningkatan jumlah kenderaan yang luar biasa di atas jalan raya. Antara faktor utama penyumbang terhadap isu ini yang berlaku di kawasan Batu Feringgi adalah disebabkan oleh kekurangan tempat letak kereta untuk kemudahan pengguna jalan raya.

Selaras dengan visi Kerajaan Negeri untuk mempromosikan pelancongan di negeri ini dan merencanakan kegiatan ekonomi rakyat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengatur strategi pelan tindakan untuk menangani isu kesesakan lalu lintas yang sering berlaku.

- (a) Antara perancangan MBPP bagi menangani masalah kekurangan tempat letak kereta adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan sistem jalan sehala bagi menambah bilangan petak letak kenderaan;
 - (ii) Mengkaji penyediaan tempat letak kereta baharu di jalan-jalan yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri;
 - (iii) Menetapkan syarat-syarat kepada pemaju yang hendak membangunkan pemajuan baharu untuk menyediakan tempat letak kereta fizikal;
 - (iv) Memasang *sensor* bagi tempat letak kereta dengan *Penang Smart Parking (PSP)*. Perkara ini akan membantu pemandu merancang perjalanan dengan memastikan destinasi yang ditujui mempunyai tempat letak kereta kosong atau menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif; dan
 - (v) Membuat kajian bagi mewujudkan tempat letak kereta di jalan-jalan sedia ada yang bersesuaian.

Pada ketika ini, pihak MBPP telah pun menyediakan tempat letak kereta tambahan di lokasi-lokasi yang bersesuaian di KADUN Tanjong Bunga termasuk di kawasan Batu Feringgi iaitu sebanyak 497 tempat letak kereta bagi kegunaan awam bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

22. Bidang pelancongan dilihat membawa peningkatan kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang.
- (a) Tiadakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor pelancongan di sebelah Butterworth kerana dilihat di sebelah George Town agak padat?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang aktif mempromosikan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan, dengan tumpuan kepada eko-pelancongan, warisan dan tarikan kreatif untuk mengimbangi pembangunan di sebelah pulau.

Contohnya, inisiatif seperti *Penang International Container Art Festival (PICAF)* membawa pemasangan artistik ke kawasan seperti Bandar Cassia dan Batu Kawan. Ciri-ciri seni ini meningkatkan identiti Seberang Perai dan menarik pengunjung dengan daya tarikan yang unik serta menambah ekosistem kreatif kawasan ini.

Beberapa acara berkaitan pelancongan telah dianjurkan di Seberang Perai seperti *Penang International Food Festival* dan *Butterworth Fringe Festival*. Tahun ini, *Penang Bridge International Marathon (PBIM)* akan diadakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan larian akan bermula di Batu Kawan, Seberang Perai.

Potensi eko-pelancongan di Seberang Perai juga menjadi tumpuan utama. Kerajaan Negeri menyokong projek-projek yang mengetengahkan tarikan semula jadi dan menggalakkan pelancongan mesra alam melalui kempen serta acara seperti *Seberang Perai International Conference on Eco-Tourism dan Conservation Efforts* (SPICEC). Acara sedemikian bertujuan untuk menggalakkan kelestarian alam sekitar dan memanfaatkan kekayaan biodiversiti di Seberang Perai, termasuk hutan bakau, hutan simpan dan ekosistem sungai. Program sebegini mampu mempromosikan Seberang Perai sebagai destinasi menarik bagi peminat alam semula jadi.

Selain itu, pembukaan hotel-hotel baharu seperti Citadines Prai Penang dan Crowne Plaza Penang Straits City serta pembesaran pasaraya Sunway Carnival Mall telah menyediakan akses mudah kepada pelancong dan pengembara perniagaan untuk melawat Seberang Perai dan hab perindustrian berdekatan.

Selain itu, terdapat projek fizikal dan program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di kawasan Butterworth seperti berikut:

- (i) Pemasangan arca bagi Projek *Art In the City* di padang Pemuda Merdeka pada tahun 2022;
- (ii) Projek pengindahan *street art* sebagai satu inisiatif untuk naik taraf reruang awam yang mana menjadikan lorong belakang dan lorong sisi sebagai salah satu ruang yang bernilai untuk komuniti. Kerja-kerja naik taraf *Butterworth Art Walk* Fasa I telah dilaksanakan pada Januari 2024;
- (iii) Naik taraf *Butterworth Art Walk* Fasa II akan bermula November 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Disember 2024;
- (iv) Naik taraf Taman Pantai dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2025; dan
- (v) Program Geran Pekan Seberang Perai dengan kerjasama MBSP dan Think City melibatkan projek dan program

komuniti sekitar Butterworth dan Seberang Perai. Projek dan program di bawah geran ini sedang dilaksanakan melibatkan tahun kewangan 2024 dan 2025.

Inisiatif bersepadu ini mempamerkan komitmen Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mempromosi Seberang Perai sebagai tempat tumpuan pelancongan dan mempelbagaikan tawaran destinasi pelancongan di negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

23. Pulau Pinang terkenal dengan jolokan sebagai negeri syurga makanan kerana kepelbagaian makanan terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri pernah mempromosikan makanan tradisi rakyat Pulau Pinang mengikut kaum dan budaya kita?
- (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kemasyhuran makanan tradisi Pulau Pinang di mata pelancong luar?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Kerajaan Negeri sememangnya telah mengambil langkah proaktif dalam mempromosikan makanan tradisi di negeri ini. Sektor pelancongan Pulau Pinang telah memberi penekanan yang ketara kepada pelancongan makanan, terutamanya dengan mempromosikan pelbagai jenis hidangan tradisional Pulau Pinang. Acara tahunan seperti George Town Festival, George Town Heritage Celebrations, Penang International Food Festival mempromosikan makanan dan budaya tradisional. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) mempromosikan makanan dan budaya Pulau Pinang di media sosial.

- (b) Bagi mengekalkan budaya makanan tradisional Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memulakan beberapa langkah yang bertujuan untuk mengekalkan keaslian hidangan tempatan, memandangkan reputasi negeri yang semakin meningkat sebagai destinasi pelancongan masakan. Salah satu langkah penting yang diambil adalah menyekat warga asing daripada memasak makanan tempatan ikonik khususnya di gerai penjaja. Langkah ini dapat membantu memastikan hidangan yang disediakan mengekalkan kaedah dan rasa unik tradisional mereka.

Selain itu, pakar dan institusi tempatan seperti Penang Institute berusaha untuk mendokumentasikan resipi tradisional yang unik untuk pelbagai komuniti di Pulau Pinang, seperti masakan Nyonya. Perkara ini untuk mengelakkan ketulenan budaya hilang dan memastikan resipi tradisional boleh diakses oleh generasi akan datang. Usaha ini bukan sahaja melindungi warisan masakan tetapi juga dapat mempromosi makanan Pulau Pinang dengan identiti tersendiri di dalam Malaysia dan luar negara. Ia turut dapat menyumbang kepada matlamat Kerajaan Negeri untuk pengiktirafan UNESCO dalam makanan warisan budaya.

Untuk menarik minat pelancong, PGT menyokong lawatan makanan dan kelas memasak yang membolehkan pelawat menyelami suasana masakan tempatan. Sebagai contoh, pelawat boleh mengambil bahagian dalam kelas memasak termasuk lawatan ke pasar tempatan untuk membeli bahan-bahan segar, diikuti dengan sesi memasak secara langsung di mana mereka boleh belajar membuat hidangan istimewa Pulau Pinang. Pendekatan ini membantu mempromosikan rasa unik makanan tradisional Pulau Pinang sambil mencipta pengalaman yang menarik untuk pengunjung. Panduan MICHELIN ialah buku panduan yang telah diterbitkan oleh syarikat tayar Perancis MICHELIN sejak tahun 1900. Buku panduan itu mengiktiraf pertubuhan yang mempunyai prestasi masakan yang cemerlang dalam aspek berkaitan dan ia merupakan salah satu panduan makanan antarabangsa yang paling terkenal. Panduan MICHELIN telah melancarkan edisi Pulau Pinang dan Kuala Lumpur pada tahun 2023.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat bagi portfolio Pelancongan dan Ekonomi Kreatif dan Penang Global Tourism (PGT) telah menjalinkan kerjasama dengan penganjur Panduan MICHELIN dan hanya 2 lokasi di Malaysia diiktiraf oleh Panduan MICHELIN iaitu Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Dalam pengumuman pada November 2024, sebanyak 69 restoran dan kedai makanan dari Pulau Pinang disenaraikan dalam Panduan MICHELIN. Langkah-langkah promosi dan pengiktirafan ini ialah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan makanan tempatan untuk menjadi daya tarikan pelancong di peringkat antarabangsa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

24. Pulau Pinang merupakan negeri yang tersenarai di antara tujuh buah negeri terkaya di Malaysia. Namun peratusan miskin di negeri ini dilihat masih banyak pada mata kasar.
- (a) Berapakah jumlah sebenar peratusan miskin bandar, miskin luar bandar dan miskin tegar di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kemiskinan tersebut?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Pada tahun 2022, nilai purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di Pulau Pinang ialah RM2,250.00 sebulan. Menurut laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Pulau Pinang 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar kemiskinan mutlak di negeri ini meningkat sedikit daripada 1.9% pada 2019 kepada 2.0% pada 2022. Di kawasan bandar, kadar kemiskinan mutlak meningkat daripada 1.8% kepada 1.9%, manakala di kawasan luar bandar, kadar ini menurun daripada 4.8% pada 2019 kepada 3.5% pada 2022. Sementara itu, kadar kemiskinan tegar kekal pada 0.1% bagi kedua-dua tahun.

Mengikut data terkini eKasih yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) pada 4 November 2024, jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar di Pulau Pinang adalah sebanyak 1,641 KIR seperti dinyatakan dalam **LAMPIRAN A**.

Bagi menangani isu kemiskinan tegar, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan dasar pembasmian kemiskinan tegar melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) sejak Mac 2009. Program ini menyediakan bantuan kewangan bulanan bagi membantu isi rumah miskin. Bermula September 2020, AES telah digabungkan dengan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengoptimumkan sumber kewangan dan memperkukuhkan tadbir urus. Gabungan ini dikenali sebagai Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES).

Melalui BAES, bantuan diberikan secara *top-up* kepada individu atau keluarga yang mempunyai pendapatan per kapita di bawah RM260.00 berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri. Mulai 1 Januari 2025, had pendapatan ini akan dinaikkan kepada RM322.00 per kapita. Setiap permohonan yang memenuhi syarat kelayakan akan dipertimbangkan dengan kadar bantuan antara RM100.00 (minimum) hingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan bantuan ini, Kerajaan Negeri menggunakan data penerima BAES daripada senarai JKM Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri turut melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi sebagai langkah menoktahkan kemiskinan. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa, termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Bantuan peralatan ini bertujuan untuk membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada, meningkatkan hasil perniagaan, dan seterusnya menambah pendapatan isi rumah.

Selain itu, Program MMK Pembangunan Luar Bandar menyediakan kemudahan dan peruntukan untuk membaiki fizikal rumah yang terjejas melalui Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin. Program ini, yang diperkenalkan pada tahun 2008, adalah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan golongan miskin di Pulau Pinang memiliki kediaman yang selamat dan selesa.

Kerajaan Negeri juga melaksanakan Program Kebajikan i-Sejahtera sejak tahun 2010, yang merupakan satu bentuk sumbangan penghargaan kepada rakyat tanpa mengira kaum. Setakat Oktober

2024, sebanyak RM54,808,400.00 telah disalurkan kepada 284,095 penerima manfaat melalui program ini.

Kesemua program ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A**STATISTIK BILANGAN KETUA ISI RUMAH (KIR) MISKIN TEGAR
MENGIKUT KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PULAU
PINANG**

BIL.	DUN	MISKIN TEGAR
1	Air Itam	33
2	Air Putih	42
3	Bagan Dalam	35
4	Bagan Jermal	38
5	Batu Lancang	13
6	Batu Maung	23
7	Batu Uban	14
8	Bayan Lepas	45
9	Berapit	23
10	Bertam	49
11	Bukit Tambun	47
12	Bukit Tengah	40
13	Datok Keramat	24
14	Jawi	63
15	Kebun Bunga	15
16	KOMTAR	14
17	Machang Bubuk	69
18	Padang Kota	4
19	Padang Lalang	41
20	Pantai Jerejak	9
22	Penaga	113

BIL.	DUN	MISKIN TEGAR
23	Penanti	46
24	Pengkalan Kota	9
25	Perai	26
26	Permatang Berangan	94
27	Permatang Pasir	95
28	Pinang Tunggal	92
29	Pulau Betong	29
30	Pulau Tikus	5
31	Seberang Jaya	55
32	Seri Delima	11
33	SungaiAcheh	65
34	Sungai Bakap	61
35	Sungai Dua	68
36	Sungai Pinang	55
37	Sungai Puyu	49
38	Tanjong Bunga	9
39	Telok Ayer Tawar	39
40	Telok Bahang	42
JUMLAH		1,641

*Data eKasih bertarikh 4 November 2024

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

25. Sistem perparitan kurang efektif sehingga kerap berlaku banjir kilat.
- (a) Mengapakah tiada langkah-langkah yang diambil bagi menaik taraf sistem perparitan di Pulau Pinang amnya dan Telok Air Tawar khususnya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan sistem perparitan yang kurang efektif sehingga menyebabkan kerap berlakunya kejadian banjir kilat.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik perunding untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam untuk keseluruhan sistem saliran di Daerah Seberang Perai Utara yang turut merangkumi kawasan Telok Air Tawar. Kerja-kerja menaik taraf akan dilaksanakan secara berfasa di kawasan keutamaan (*hotspot*) tertakluk kepada ketersediaan peruntukan semasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

26. Bangunan sejarah di Pulau Pinang.

- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengekalkan bangunan-bangunan sejarah yang dilihat boleh dijadikan tempat pelancongan?
- (b) Berapakah kos yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menaik taraf bangunan dan tempat sejarah tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Dalam usaha Kerajaan Negeri mengekalkan bangunan-bangunan bersejarah, Kerajaan Negeri telahewartakan sebanyak 82 bangunan warisan kategori I dan 3,771 bangunan warisan kategori II melalui Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang telah digazetkan pada 1 September 2016 di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Inisiatif ini telah memberikan harapan dan sokongan kepada usaha melindungi dan memelihara bangunan-bangunan warisan. Ini juga menunjukkan komitmen penuh Kerajaan Negeri dalam mengekalkan ciri-ciri keunggulan nilai bangunan ini yang telah menjadi tarikan utama dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, dan menjadi tarikan utama pelancongan warisan dalam Negeri Pulau Pinang.

- (b) Melalui geran RM25,000,000.00 daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Inisiatif Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO, sebanyak RM10,000,000.00 telah diperuntukkan khasnya untuk tujuan pembaikan 50 buah Bangunan Warisan Kategori 1. Manakala sekurang-kurangnya RM6,000,000.00 telah diperuntukkan khas untuk tujuan pembaikan Bangunan Warisan Kategori 2.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

27. Pembangunan rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk penduduk miskin tegar.
- (a) Adakah pembangunan rumah PPRT untuk penduduk miskin tegar yang telah diluluskan Kerajaan Negeri untuk dibangunkan?
 - (b) Berapakah dana yang diperuntukkan untuk projek-projek ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO AL SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak melaksanakan Projek Pembangunan Rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada penduduk miskin tegar di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, **Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi kegunaan baik pulih dan bina baharu rumah kepada golongan miskin** yang diuruskan di peringkat daerah oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang dikenal pasti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah.
- (b) Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM3.0 juta** bagi pelaksanaan kerja pembaikan dan pembinaan rumah golongan miskin di bawah Butiran P.01 (64) - Projek Khas Ekonomi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

28. Pulau-pulau buatan di Pulau Pinang.

- (a) Berapa peratuskah progres projek pembangunan pulau-pulau buatan tersebut sehingga sekarang?
- (b) Apakah keuntungan yang boleh di bawa ke Pulau Pinang dengan adanya projek tersebut yang dilihat telah mengancam ekosistem?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Sehingga kini, projek pembangunan pulau-pulau buatan di negeri ini telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan. Bagi projek Silicon Island (PSI), sehingga akhir Oktober 2024, penambakan telah mencapai keluasan kira-kira **50 ekar atau 20.23 hektar, yang mewakili 7.18%** daripada fasa pertama penambakan.

Kerja-kerja penambakan dimulakan pada September 2023 dan dijangka mengambil masa antara 10 hingga 15 tahun untuk menyiapkan keseluruhan tambakan seluas 2,300 ekar. Sasaran semasa adalah untuk menyiapkan 100 ekar menjelang akhir tahun 2024, diikuti dengan perancangan untuk menambah 300 ekar setiap tahun bermula pada 2025. Dijangka sebanyak 1,260 ekar akan siap menjelang tahun 2032, merangkumi pembangunan infrastruktur utama seperti

jalan raya, jambatan, utiliti, serta elemen bandar pintar dan rangkaian hijau-biru yang akan menyokong kelestarian negeri.

Bagi Projek Seri Tanjung Pinang 2 (Pulau Andaman), sehingga September 2024, kerja-kerja penambakan telah mencapai sekitar 253 ekar atau 105 hektar bagi **Fasa 2A yang telah diselesaikan sepenuhnya**. Bagi **Fasa 2B** dan 2C, ia melibatkan sekitar **160 ekar atau 65 hektar** yang kini sedang dalam proses pelaksanaan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak **31.7%**, dengan kerja-kerja penambakan yang bermula pada 9 Disember 2015. Projek ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh empat tahun akan datang dengan keluasan keseluruhan penambakan iaitu sebanyak 760 ekar.

- (b) Projek Silicon Island dan Seri Tanjung Pinang (Pulau Andaman) menawarkan potensi besar untuk pembangunan ekonomi Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri senantiasa memberi **penekanan serius terhadap kelestarian alam sekitar** dalam setiap fasa pelaksanaan projek-projek ini. Setiap tindakan yang diambil sentiasa mematuhi garis panduan alam sekitar yang ketat, termasuk inisiatif pemuliharaan dan pembangunan ruang hijau yang memberi manfaat kepada komuniti setempat. Walaupun projek ini dijangka memberi impak positif yang besar kepada ekonomi negeri ini, ia tetap dilaksanakan dengan **pendekatan yang seimbang** untuk memastikan kelestarian ekosistem negeri ini terjamin.

Projek Silicon Island menawarkan potensi besar untuk Pulau Pinang, bukan hanya dalam aspek pembangunan fizikal, tetapi juga sebagai pemangkin untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Tanah yang dibangunkan melalui penambakan ini akan digunakan untuk sektor industri, komersial, perumahan, dan pelancongan. Projek ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pembangunan Pulau Pinang selama 40 tahun akan datang dengan fokus untuk **memperluaskan Zon Perindustrian Bebas (FIZ) Bayan Lepas** yang sudah dikenali sebagai pusat pelaburan global dalam sektor pembuatan elektrikal dan elektronik (E&E).

Antara perkembangan utama yang bakal dilaksanakan termasuk pembinaan **Green Tech Park** yang bertujuan menarik pelaburan daripada industri-industri bernilai tinggi, termasuk:

- (i) Reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*);
- (ii) Penyelidikan, reka bentuk, dan pembangunan (*R&D*);
- (iii) Pembuatan berteknologi tinggi (*High-tech manufacturing*);
- (iv) Pemasangan dan ujian (*Assembly & testing*);
- (v) Pembungkusan maju (*Advanced packaging*);
- (vi) Peralatan ujian automatik (*Automated test equipment*);
- (vii) Peranti perubatan (*Medical devices*);
- (viii) Kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence - AI*); dan
- (ix) Perkhidmatan perniagaan global (*Business Services*).

Projek ini dijangka akan memberi impak yang besar terhadap **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Pulau Pinang** dengan menyumbang sebanyak **RM1.1 trilion**, menarik **RM74.7 bilion** pelaburan, dan mencipta **220,000 peluang pekerjaan**. Angka-angka ini menggambarkan betapa besarnya potensi projek Silicon Island dalam meningkatkan daya saing Pulau Pinang, membuka peluang ekonomi baru, dan memastikan pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang.

Begitu juga dengan **Projek Seri Tanjung Pinang (Pulau Andaman)** yang turut memberi sumbangan besar kepada pembangunan Pulau Pinang. Projek ini dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan alam sekitar yang ketat untuk memastikan kelestarian ekosistem. Kerajaan Negeri telah memastikan bahawa pemaju mengambil langkah-langkah pemuliharaan seperti **pembinaan kawasan rekreasi dan persiaran laut yang akan memberikan ruang hijau kepada**

masyarakat. Selain itu, projek ini sepenuhnya dibiayai oleh pihak swasta dengan fokus utama untuk mencapai keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan perlindungan alam sekitar.

Dengan pembukaan kawasan baru, **peluang pekerjaan dan perniagaan** untuk penduduk negeri ini dijangka akan meningkat dan secara tidak langsung memberi sumbangan positif kepada ekonomi negeri. Projek ini juga akan **mencipta komuniti lestari** dengan bangunan ikonik dan zon pembangunan yang terancang termasuk kawasan rekreasi, promenade pejalan kaki, dan marina. Kawasan persiaran di persisiran laut akan menjadi tarikan utama untuk pelancong, terutamanya dengan penambahan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, dan kemudahan awam yang lain.

Selain itu, projek ini turut **menyokong pembangunan sektor pelancongan** melalui inisiatif seperti pertandingan Dragon Boat yang akan diadakan di perairan Straits Quay pada tahun ini. Acara ini berpotensi menjadi tarikan utama dan meningkatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap Pulau Pinang, memperkukuhkan kedudukan negeri ini sebagai destinasi pelancongan utama.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

29. Isu keracunan buah anggur *shine muscat*.

- (a) Bagaimanakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan buah anggur *shine muscat* yang dipasarkan di kedai-kedai Pulau Pinang tidak beracun seperti di Thailand?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKN) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan keselamatan makanan termasuk makanan import berdasarkan Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan dibawahnya bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Di dalam negara Malaysia, residu racun perosak dikawal di bawah Peraturan 41, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Pemantauan secara berterusan dijalankan secara rutin di semua pintu masuk di Negeri Pulau Pinang merangkumi proses pemeriksaan dokumen, pemeriksaan fizikal, pemeriksaan label, pengambilan sampel dan penahanan (jika perlu) di gudang pengimport.

Sepanjang tahun 2024 (sehingga Oktober), sebanyak 34 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan import telah dianalisis bagi residu racun perosak dan didapati tiada

pelanggaran dikesan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Tindakan penguatkuasaan akan dilakukan ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan import yang tidak mematuhi *Maximum Residue Limit* (MRL) termasuk arahan penarikan balik produk, pelupusan, eksport semula atau tindakan pendakwaan kes. Manakala bagi pasaran domestik termasuk kedai-kedai menjual sayur-sayuran dan buah-buahan bagi sepanjang tahun 2024 (sehingga Oktober), sebanyak 50 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan telah dianalisis dengan lima (5) pelanggaran telah berlaku ke atas Akta Makanan 1983.

Pemantauan buah anggur import, adalah berdasarkan kemasukan melalui pintu masuk negeri. Tindakan pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) adalah diwajibkan jika berlaku kes pelanggaran. Kelulusan pelepasan di pintu masuk hanya akan diberikan sekiranya keputusan analisa mematuhi MRL yang telah ditetapkan. Sebagai langkah berjaga-jaga, pemeriksaan Tahap 4 iaitu bagi Pelepasan dan Pengawasan sedang dilaksanakan di semua pintu masuk Negeri Pulau Pinang. Selain itu, tindakan pemeriksaan serta persampelan di pasaran domestik turut dilaksanakan bagi memastikan buah anggur *Shine Muscat* dan produk lain yang berkaitan adalah selamat dimakan untuk penduduk Negeri Pulau Pinang khususnya dan seluruh Malaysia amnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

30. Isu air di Pulau Pinang yang masih dalam *progress* untuk penambahbaikan dan bagi mengatasi isu ketiadaan air di beberapa tempat.
- (a) Bagaimanakah status projek menaik taraf kualiti air di Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merangka pelan jangka sederhana bagi memastikan isu ketiadaan air dapat diatasi.
- (a) Status projek-projek menaik taraf kualiti air adalah seperti berikut:
- (i) Pemasangan paip induk dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke sebelah Pulau. Penyiapan projek ini akan meningkatkan kapasiti pembekalan air ke sebelah Pulau;
 - (ii) Program Pengurangan Air Tidak Terhasil (NRW) melalui penukaran paip-paip yang usang untuk mengurangkan kebocoran air supaya pembekalan air dapat dioptimumkan kepada semua pengguna di Pulau Pinang;

- (iii) Program Penjimatan Air dengan memberi kesedaran kepada pengguna di Pulau Pinang supaya dapat memberi kerjasama untuk mengurangkan penggunaan per kapita sehari dari 307 LCD kepada 237 LCD mengikut ketetapan *national* menjelang tahun 2030; dan
- (iv) Pelaksanaan projek di bawah Pelan Kontigensi Air 2023 (WCP 2030) bagi memenuhi permintaan air yang tinggi menjelang tahun 2030 seperti berikut :

NO.	PROJEK	STATUS	KAPASITI (MLD)	KOS PROJEK (RM JUTA)
1	Bukit Panchor DAF (dissolved air flotation) WTP	Siap dan beroperasi sejak Disember 2023.	10	18.6
2	Pakej 12A Unit Proses, LRASg Dua	Siap ditauliahkan pada September 2024	114	31
3	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0km dari LRASungai Dua ke Butterworth (Seberang Perai)	Dalam proses reka bentuk.		128

NO.	PROJEK	STATUS	KAPASITI (MLD)	KOS PROJEK (RM JUTA)
4	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar (Pulau Pinang)	Dalam proses reka bentuk. Dijangka diiklankan tender pada Februari 2025.		44
5	LRA Mengkuang Park	PBAPP telah mengiklankan tender untuk pembinaan LRA Mengkuang Park ini secara terbuka pada 1 November 2024.	114	120
6	LRASg Kerian	Dalam proses penyediaan tender untuk kerja – kerja pembinaan. Dijangka diiklan pada bulan Januari 2025	114	171

NO.	PROJEK	STATUS	KAPASITI (MLD)	KOS PROJEK (RM JUTA)
7	Skim Bekalan Air Sg Perai	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk reka bentuk dan pembinaan LRA.	136	500
8	LRASg Muda	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk reka bentuk dan pembinaan LRA.	114	171
JUMLAH				1,183.6

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memastikan projek pemindahan air terawat dari Sungai Perak dapat dimulakan dengan segera pada tahun 2025 sebagai penyelesaian jangka masa panjang untuk memenuhi permintaan air menjelang tahun 2050. Perkara ini juga telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui ucapan Belanjawan Madani Ketiga Tahun 2025 telah meluluskan projek Penyaluran Air Mentah Sungai Perak untuk bekalan air di kawasan Utara Perak dan Pulau Pinang sebagai salah satu projek berkepentingan rakyat serta kemudahan yang menyokong kawasan perindustrian *Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP)*.